

Pertukaran Kod Guru Bahasa Melayu dalam Pengajaran dan Pembelajaran di sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) di Puchong

Code-Switching of Malay Language Teachers in Teaching and Learning in a Chinese Primary School in Puchong

NUR SABRINA AIMAN MOHD ROSSZI & NOR AZWAHANUM NOR SHAID*

Received: 9-1-2025 / Accepted: 15-5-2025

ABSTRAK

Kajian ini dilaksanakan untuk meneroka jenis pertukaran kod, fungsi pertukaran kod dan kesan pertukaran kod dalam pengajaran dan pembelajaran guru Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina). Reka bentuk penyelidikan kualitatif telah digunakan dalam kajian ini dengan menggunakan pendekatan kajian kes. Seramai empat orang guru Bahasa Melayu di sebuah SJKC di Puchong telah dipilih untuk menjadi peserta kajian menggunakan kaedah pensampelan bertujuan. Alat kajian yang digunakan ialah senarai semak dan protokol temu bual. Data kajian dianalisis dengan menggunakan kaedah tematik. Dapatkan kajian telah mengenal pasti ketiga-tiga jenis pertukaran kod dalam pengajaran dan pembelajaran guru Bahasa Melayu. Jenis pertukaran kod yang paling kerap digunakan ialah pertukaran kod intersentensial manakala jenis pertukaran kod yang paling kurang digunakan ialah pertukaran kod tag. Dapatkan kajian juga telah mengenal pasti keempat-empat fungsi utama pertukaran kod yang digunakan, iaitu (i)fungsi asertif, (ii)fungsi direktif, (iii)fungsi ekspresif dan (iv)fungsi komisif. 14 subfungsi pertukaran kod telah dikenal pasti dan tiga subfungsi pertukaran kod yang baharu juga berjaya dikenal pasti. Enam kesan pertukaran kod dalam pengajaran dan pembelajaran guru Bahasa Melayu telah dikenal pasti dalam kajian ini, iaitu meningkatkan kefahaman murid, meningkatkan minat murid untuk belajar, meningkatkan penguasaan bahasa Melayu murid, meningkatkan respons murid, merapatkan hubungan dengan murid dan meningkatkan tahap kebergantungan murid. Oleh hal yang demikian, kajian ini diharapkan dapat memberikan maklumat kepada pihak-pihak yang terlibat terutamanya Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk mengetengahkan pertukaran kod sebagai satu strategi dalam mengajar Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC).

Keywords: pertukaran kod; guru Bahasa Melayu; jenis; fungsi; kesan

ABSTRACT

This study was conducted to explore the types of code-switching, the functions of code-switching and the effects of code-switching in teaching and learning of Malay Language teachers in Chinese Primary School. This study used qualitative approach with case study design. A total of four Malay Language teachers at a SJKC in Puchong were selected to be study participants using the intended sampling method. The research tools used were checklist and interview protocols. Research data were analyzed using thematic methods. The findings of the study have identified all three types of code-switching in the teaching and learning of Malay language teachers. The most frequently used type of code-switching is the intersentential code-switching while the least used type of code exchange is the tag code-switching. The findings of the study have also identified the four main functions of code-switching used, namely assertive functions, directive functions, expressive functions and commissive functions. 14 sub-functions of code-switching have been identified and three new sub-functions of code-switching have also been successfully identified. Six effects of code-switching in the teaching and learning of Malay language teachers were identified in this study, which is improving students' comprehension, increasing students' interest in learning, increasing students' proficiency in Malay language, increasing students' responses, strengthening relationships with students and increasing students' dependency levels. Therefore, this study is expected to provide information to the parties involved, especially the Ministry of Education Malaysia (MOE) and teachers to highlight code-switching as a strategy in teaching Malay Language in Chinese Primary School (SJKC).

Kata kunci: code-switching; Malay Language teachers; type; function; effect

PENGENALAN

Menurut Reni, Lalu dan Atri (2018), pertukaran kod merujuk kepada situasi yang melibatkan seseorang individu menggantikan satu bahasa dengan bahasa yang lain semasa berkomunikasi. Bahasa Melayu ialah bahasa kebangsaan Malaysia selaras dengan Perkara 152 dalam Perlembagaan Malaysia. Namun demikian, masyarakat Malaysia terdiri daripada masyarakat berbilang kaum yang setiap satunya mempunyai bahasa ibunda tersendiri. Hal ini menyebabkan pertukaran kod sering berlaku dalam komunikasi rakyat di Malaysia memandangkan hampir semua rakyat Malaysia menguasai dua bahasa atau lebih. Paramasivam (2017) juga bersetuju dengan kenyataan ini. Menurut beliau, pertukaran kod merupakan salah satu ciri masyarakat multilingual di Malaysia. Bahasa pengantar di sekolah jenis kebangsaan merupakan bahasa ibunda masing-masing berbeza dengan sekolah kebangsaan yang menjadikan bahasa Melayu sebagai bahasa pengantar. Oleh hal yang demikian, bahasa Melayu merupakan bahasa kedua bagi kebanyakan murid di sekolah jenis kebangsaan yang kebanyakannya merupakan murid Cina dan India. Oleh sebab itu, penguasaan bahasa Melayu yang baik dilihat sukar dicapai oleh murid-murid bukan penutur natif. Hal ini disokong oleh Nora'Azian (2020) yang menyatakan bahawa keseluruhan penguasaan Bahasa Melayu murid bukan penutur natif hanya berada pada tahap sederhana. Menurut beliau, hanya 17.2% daripada 414 orang murid Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK) menguasai kemahiran mendengar serta bertutur, kemahiran membaca mahupun kemahiran menulis dalam bahasa Melayu dengan cemerlang. Hal ini telah menyebabkan guru-guru Bahasa Melayu di SJK menggunakan pertukaran kod dalam pengajaran dan pembelajaran.

Menurut Savitry dan Norasmah (2019), murid bukan Melayu yang bersekolah di SJK mempunyai tahap penguasaan Bahasa Melayu yang rendah. Aman, Zamri dan Mohammed Azlan (2021) dalam kajiannya pula menyatakan bahawa murid mempunyai penguasaan kosa kata yang lemah. Hal ini telah menyebabkan murid-murid tidak menepati tajuk karangan kerana pemilihan kosa kata yang tidak tepat. Kajian ini juga selari dengan kajian Chew dan Mohamad Adham (2022) yang mendapati bahawa kebanyakan murid di SJKC dan SJKT sukar memahami maksud perkataan bahasa Melayu. Penguasaan bahasa Melayu yang berada pada tahap yang lemah serta kesukaran murid memahami bahasa Melayu telah menyebabkan guru-guru bahasa Melayu menggunakan pertukaran kod di dalam kelas.

Namun demikian, penggunaan pertukaran kod dalam pengajaran bahasa merupakan isu yang sering dipertikaikan. Sesetengah pakar bahasa berpendapat bahawa penggunaan pertukaran kod dalam pengajaran bahasa hanya mempunyai kelemahan berbanding kelebihan (Maria, 2014). Menurut Tawos et al. (2019), pertukaran kod berlaku secara semula jadi dalam bilik darjah dwibahasa untuk memudahkan pemerolehan bahasa kedua dalam jangka masa pendek. Namun demikian, pemerolehan bahasa kedua akan terhalang apabila bahasa pertama dikurangkan atau disingkirkan bukan pada masa yang sesuai. Reni, Lalu dan Atri (2018) turut menyatakan bahawa pertukaran kod yang terlalu banyak akan merosakkan bahasa yang dipelajari kerana akan mengganggu pemahaman murid dan kefasihan murid dalam bahasa tersebut.

Menerusi Dasar Pendidikan Kebangsaan (2017), pelbagai program telah dilaksanakan agar semua murid menguasai bahasa Melayu dengan baik. Pihak KPM juga menjangkakan 90% murid mencapai paling kurang skor kredit dalam kertas Bahasa Malaysia Sijil Pelajaran Malaysia dalam Pelan Pembangunan Pendidikan Malaysia 2013 – 2025. Kepentingan kajian ini dilaksanakan adalah untuk membolehkan pihak kementerian melihat situasi sebenar guru mengajar bahasa Melayu di sekolah jenis kebangsaan Cina (SJKC). Dapatkan kajian juga boleh membuka mata KPM tentang penggunaan pertukaran kod sebagai salah satu strategi untuk mengajar bahasa

Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan (SJK). Pertukaran kod dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di SJKC dapat memberikan kefahaman kepada murid-murid dalam mempelajari bahasa Melayu. Perkara ini amat berharga dalam meningkatkan tahap penguasaan bahasa Melayu murid di SJKC. Hal ini demikian kerana tahap penguasaan bahasa Melayu yang baik akan membolehkan mereka masuk ke tingkatan 1 semasa melangkah ke Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) tanpa perlu mengikuti kelas peralihan dan seterusnya langkah ini juga merupakan langkah awal bagi membantu mereka lulus subjek Bahasa Melayu dalam SPM.

Kajian ini dijalankan secara khususnya bertujuan untuk:

1. Mengenal pasti jenis-jenis pertukaran kod yang digunakan oleh guru Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran
2. Menganalisis fungsi pertukaran kod yang digunakan oleh guru Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran
3. Meneroka kesan pertukaran kod yang digunakan oleh guru Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran.

SOROTAN LITERATUR

PERTUKARAN KOD DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN BAHASA

Liswani, Coshi dan Talita (2015) mendapati bahawa pertukaran kod meningkatkan cara murid menjawab soalan dan meningkatkan pembelajaran bahasa Inggeris. Walau bagaimanapun, ada juga peserta kajian yang menyatakan bahawa pertukaran kod juga memberikan kesan yang negatif terhadap pembelajaran bahasa, iaitu boleh menyebabkan penguasaan bahasa Inggeris yang lemah. Dapatan kajian turut mengkaji tentang kelebihan pertukaran kod, iaitu dapat murid melibatkan diri dalam pelajaran, murid dapat memahami kandungan pelajaran dan dapat menterjemahkan konsep yang sukar ke dalam bahasa yang difahami oleh murid.

Reni, Lalu dan Atri (2018) pula telah menjalankan kajian tentang jenis pertukaran kod dan kesan pertukaran kod dalam pembelajaran terhadap dua kelas di Universiti Mataram. Kajian ini telah menemu bual pelajar dan pensyarah. Dapatan kajian menerusi temu bual pelajar mendapati bahawa kesan pertukaran kod dalam pengajaran bahasa ialah kelas lebih menyeronokkan kerana murid boleh meneroka bahasa Inggeris tanpa perasaan takut salah. Dapatan kajian daripada pensyarah pula menunjukkan bahawa pertukaran kod memang membantu dalam sesetengah aspek tetapi pensyarah percaya bahawa pelajar perlu didekahkan lebih kepada bahasa yang dipelajari. Hal ini demikian kerana pertukaran kod yang terlalu banyak akan merosakkan bahasa yang dipelajari kerana akan mengganggu pemahaman murid dan kefasihan murid dalam bahasa tersebut. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa kesan pertukaran kod boleh dibahagikan kepada kesan positif dan kesan negatif.

Tawos et al. (2019) pula menyatakan bahawa pertukaran kod digunakan secara meluas oleh guru-guru sekolah rendah. Guru-guru juga didapati menggunakan pertukaran kod untuk pengurusan kelas. Guru menggunakan pertukaran kod untuk mendapat perhatian murid, menegur murid yang mengganggu kelas dan menegur sikap murid. Selain itu, guru-guru juga menggunakan pertukaran kod untuk tujuan pedagogi, iaitu menerangkan maksud perkataan yang sukar dan mengajar tatabahasa. Pertukaran kod juga digunakan untuk berinteraksi dengan murid supaya wujud hubungan antara guru dan murid.

Sidra, Syeda Hiraa dan Rehman (2019) menyatakan bahawa pertukaran kod merupakan salah satu strategi yang efektif dalam mempelajari bahasa kedua. Pertukaran kod juga dapat menaikkan prestasi murid dalam akademik. Dapatan kajian pengkaji mendapati bahawa pertukaran kod berlaku berdasarkan situasi dan berlaku tanpa sedar. Dapatan kajian mendapati bahawa pertukaran kod memudahkan guru untuk membetulkan kesilapan murid dan lebih menjimatkan masa. Hal ini demikian kerana murid lebih faham kesilapan yang dilakukan apabila guru memberi penerangan dalam bahasa yang difahami. Guru-guru juga mengakui bahawa pertukaran kod merupakan salah satu strategi pengajaran. Pertukaran kod juga dapat meningkatkan pencapaian murid dalam pembelajaran bahasa. Bukan itu sahaja, pertukaran kod juga meningkatkan keyakinan murid untuk mempelajari bahasa kedua. Secara kesimpulannya, pengkaji merumuskan bahawa pertukaran kod merupakan satu medium yang efektif dalam pengajaran bahasa dan guru wajar menggunakan pertukaran apabila sesuai digunakan oleh murid bukan penutur natif.

Dapatan kajian oleh Maratus dan Rusdi (2020) pula telah menganalisis pertukaran kod dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Inggeris guru berdasarkan tujuh fungsi pertukaran kod oleh Gumpez (1972). Nguyen, Zheng dan Seed (2022) menyatakan bahawa kebanyakan guru menggunakan pertukaran kod disebabkan oleh keperluan murid. Walau bagaimanapun, guru-guru juga tidak dinafikan banyak menggunakan pertukaran kod untuk menyampaikan kandungan pelajaran. Bukan itu sahaja, pertukaran kod juga digunakan untuk menggalakkan penglibatan pelajar. Guru-guru menggunakan pertukaran kod untuk menarik perhatian murid untuk belajar dan membina suasana pembelajaran yang lebih kondusif untuk murid. Pertukaran kod juga digunakan untuk meningkatkan motivasi murid dalam mempelajari bahasa.

Menurut Atika, Duli dan Evelyn (2021), pertukaran kod berlaku dalam kelas sebagai salah salah satu strategi guru Bahasa Melayu untuk meningkatkan kefahaman murid. Oleh hal yang demikian, guru menggunakan pertukaran kod semasa membincangkan sesuatu topik untuk memberi kefahaman kepada murid. Selain daripada itu, guru turut menggunakan pertukaran kod semasa menterjemahkan maksud perkataan kepada murid serta semasa memberi peneguhan kepada pemahaman murid-murid kerana penguasaan kosa kata murid terhad. Menurut pengkaji, pertukaran kod berlaku kerana guru risau tahap pemahaman murid terhadap kandungan pelajaran tidak menyeluruh sekiranya menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya semasa pengajaran dan pembelajaran.

Mazlina et al. (2023) pula telah mengkaji tentang pertukaran kod dalam adaptasi Komunikasi Pelajar Jurusan Bahasa Melayu – Bahasa Indonesia di Hankuk University of Foreign Studies (HUFS), Korea. Dapatan kajian mendapati bahawa pertukaran kod berlaku dalam komunikasi pelajar semasa berbual dan dalam penulisan di aplikasi telefon bimbit. Dapatan kajian menganalisis pertukaran kod dalam beberapa bentuk, iaitu kosa kata, frasa dan ayat. Menurut pengkaji, pertukaran kod antara Bahasa Melayu dan bahasa Indonesia dalam kalangan pelajar berlaku kerana pelajar-pelajar hanya mempelajari Bahasa Melayu sebagai kursus bahasa sahaja tetapi kursus-kursus lain menggunakan bahasa Indonesia seperti Kebudayaan Indonesia dan Sejarah Indonesia.

Walau bagaimanapun, dapatan kajian oleh Sami dan Kamariah (2022) adalah sedikit berbeza. Menurut pengkaji, pertukaran kod dalam pengajaran dan pembelajaran tidak selalu menghasilkan interaksi bilik darjah yang baik. Dapatan kajian menunjukkan pertukaran kod menyebabkan murid lebih menunjukkan respon apabila disuruh menjawab dalam bahasa ibunda berbanding bahasa kedua yang dipelajari. Bukan itu sahaja, ada pelajar yang cuba untuk mengelak daripada bertutur dalam bahasa kedua semasa sesi pengajaran dan pembelajaran. Pengkaji juga

mendapati guru-guru menggunakan pertukaran kod untuk mengelakkan murid berbicara tentang perkara yang tidak relevan semasa di dalam dalam kelas.


TEORI KAJIAN

Kajian ini menggabungkan dua teori sebagai asas kajian, iaitu Teori Pertukaran Kod oleh Poplack (1980) dan Teori Lakuan Pertuturan oleh Searle (1969). Teori Pertukaran Kod oleh Poplack (1980) telah mengkategorikan pertukaran kod kepada tiga jenis, iaitu pertukaran kod intersentensial, pertukaran kod intrasentensial dan pertukaran kod tag.

Teori lakuan pertuturan pula diperkenalkan oleh Austin pada tahun 1955. Menurut Austin (1959), bahasa bukan sahaja bertujuan untuk menerangkan sesuatu tetapi juga bertujuan untuk menghasilkan tindakan performatif. Tiga tindakan dalam lakuan pertuturan yang ditekankan oleh Austin ialah lokusi, ilokusi dan perllokusi. Lokusi ialah menyatakan sesuatu ujaran manakala ilokusi merujuk kepada fungsi dan tujuan ujaran dan perllokusi merujuk kepada kesan sesuatu ujaran (Abd Ganing, Rohaidah & Ab Razak, 2018).

Perkembangan teori ini telah diteruskan oleh John Searle, iaitu anak murid kepada Austin pada tahun 1969. Lakuan pertuturan dikategorikan kepada lima kelompok menurut Searle (1969), iaitu (i) asertif, (ii) direktif, (iii) komisif, (iv) ekspresif dan (v) deklaratif (Nur Atikah dan Maslida, 2020). Menurut Nurul Syuhada dan Maslida (2019), lakuan pertuturan asertif ialah lakuan yang meletakkan tanggungjawab untuk penutur menyampaikan maklumat yang benar, lakuan pertuturan direktif merujuk kepada pertuturan yang membuatkan pendengar melakukan sesuatu tindakan, lakuan pertuturan komisif pula bermaksud penutur menjanjikan sesuatu tindakan pada masa akan datang, lakuan pertuturan ekspresif pula menunjukkan sikap dan mood penutur dan lakuan pertuturan deklaratif bertujuan untuk melaksanakan perubahan dalam masa yang singkat. Justeru, kajian ini akan berpandukan teori lakuan pertuturan oleh Searle (1969), iaitu (i) asertif, (ii) direktif, (iii) komisif dan (iv) ekspresif memandangkan pengkategorian lakuan pertuturan yang dilakukan lebih sesuai dengan pengajaran dan pembelajaran guru. Lakuan deklaratif digugurkan kerana tidak berkaitan dengan proses pengajaran dan pembelajaran.

Berdasarkan kedua-dua teori yang telah dinyatakan, kajian ini akan melihat kepada tiga aspek iaitu, jenis pertukaran kod, fungsi pertukaran kod dan kesan pertukaran kod yang digunakan oleh guru Bahasa Melayu di SJKC.



RAJAH 1. Kerangka Konseptual Kajian

METODOLOGI

Reka bentuk penyelidikan kualitatif telah digunakan dalam kajian ini dengan menggunakan pendekatan kajian kes. Pendekatan kajian kes ini dipilih kerana pengkaji percaya bahawa kajian kes dapat memberi gambaran sebenar fenomena yang ingin dikaji, iaitu pertukaran kod guru Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran. Hal ini selaras dengan pernyataan Yin (2009) yang menyatakan bahawa kajian kes mengkaji tentang suatu fenomena dalam konteks kehidupan sebenar. Kajian ini telah dilaksanakan di sebuah SJKC yang terletak di Puchong. Berdasarkan maklumat sekolah yang diperoleh daripada Jabatan Pendidikan Negeri Selangor, kawasan Puchong merupakan antara kawasan yang mempunyai SJKC yang terbanyak. Hal ini turut menyokong kajian Savitry dan Norasmah (2019) yang menyatakan bahawa bilangan sekolah jenis kebangsaan paling banyak terletak di kawasan Puchong. Empat orang guru opsyen Bahasa Melayu merupakan peserta kajian yang terlibat dalam kajian ini menggunakan kaedah pensampelan bertujuan. Kriteria pemilihan peserta kajian ialah guru opsyen Bahasa Melayu dan guru yang sedia mengambil bahagian seperti yang dinyatakan oleh Creswell (2012).

Kaedah kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah pemerhatian tidak turut serta dan kaedah temu bual separa berstruktur. Simons (2009) menyatakan bahawa pemerhatian dapat menyediakan penerangan yang kaya dengan maklumat yang boleh digunakan sebagai asas apabila membuat analisis lanjutan dan interpretasi. Temu bual pula merupakan kaedah yang paling ideal bagi memperoleh data yang panjang dan terperinci. Bukan itu sahaja, temu bual juga membolehkan pengkaji mendapat maklumat tentang perkara yang tidak boleh diperhatikan (M. Puvenesvary et. al., 2008). Oleh itu, pengkaji menggunakan dua kaedah ini untuk memperoleh data bagi memenuhi objektif kajian.

Dalam kajian ini, pemerhatian telah dijalankan sebanyak tiga kali bagi keempat-empat peserta kajian. Pemerhatian dijalankan selama satu jam bagi setiap sesi pemerhatian. Selepas pemerhatian dijalankan, pengkaji menjalankan temu bual bersama peserta kajian secara fizikal. Temu bual terhadap peserta kajian juga telah dijalankan sebanyak tiga kali. Bagi setiap sesi temu bual yang dijalankan, temu bual tersebut berlangsung selama 10 hingga 15 minit. Audio temu bual yang dijalankan dirakam menggunakan alat perakam suara supaya data yang diperoleh tepat dan dapat menambah kebenaran data yang dilaporkan (Simons, 2009).

Senarai semak dan protokol temu bual telah digunakan oleh pengkaji sebagai alat kajian. Senarai semak ini diadaptasi daripada kajian Noor Hayati, Mohd Sallehudin dan Pramela (2022) serta fungsi-fungi lakukan pertuturan yang dinyatakan dalam Teori Lakuan Pertuturan Searle (1969). Protokol temu bual ini pula diadaptasi daripada kajian Sidra, Syeda dan Rehman (2019). Bagi mendapat kesahan instrumen, pengkaji telah mendapatkan khidmat daripada dua orang pakar dalam bidang yang berkaitan untuk mengesahkan instrumen.

Data kajian dianalisis dengan menggunakan kaedah tematik. Proses penganalisisan data dimulakan dengan penganalisisan data pemerhatian terlebih dahulu dan diikuti dengan data menerusi temu bual. Data jenis pertukaran kod dianalisis berdasarkan kekerapan pertukaran kod yang dicatat pada senarai semak. Bagi meningkatkan kesahan data jenis pertukaran kod, pemerhatian dijalankan sebanyak tiga kali sehingga data yang diperoleh sudah tepu. Bagi menganalisis fungsi pertukaran kod pula, fungsi utama pertukaran kod telah dikenal pasti berdasarkan Teori Lakuan Pertuturan Searle (1969) seperti yang dinyatakan dalam senarai semak. Fungsi pertukaran kod yang diperoleh daripada pemerhatian dicatatkan pada senarai semak. Selepas data pemerhatian dianalisis, pengkaji menjalankan temu bual pula terhadap peserta kajian untuk mendapatkan maklumat tentang fungsi pertukaran kod dan kesan pertukaran kod. Data yang

diperoleh menggunakan kedua-dua kaedah ini ditriangulasikan agar data yang diperoleh dan digunakan untuk menjawab persoalan kajian adalah data yang kukuh dan bermutu. Hal ini demikian kerana Patton (1987) menyatakan bahawa ketekalan pola data yang diperolehi dan penjelasan yang munasabah terhadap perbezaan data yang diperolehi daripada pelbagai kaedah akan meningkatkan lagi kredibiliti data (M. Puvenesvary et al., 2008).

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

LATAR BELAKANG PESERTA KAJIAN

Kajian ini melibatkan empat orang guru Bahasa Melayu yang mengajar di sebuah Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) di Puchong bagi mendapatkan maklumat tentang jenis, fungsi dan kesan pertukaran kod dalam pengajaran dan pembelajaran guru Bahasa Melayu di SJKC. Latar belakang peserta kajian yang terlibat dipaparkan secara terperinci seperti yang tertera dalam Jadual 1.

JADUAL 1. Latar Belakang Peserta Kajian

Peserta Kajian	Kaum	Pengkhususan	Tahun yang diajar
Peserta Kajian 1	Cina	Bahasa Melayu	1, 2, 3
Peserta Kajian 2	Melayu	Bahasa Melayu	3
Peserta Kajian 3	Melayu	Bahasa Melayu	5, 6
Peserta Kajian 4	Cina	Bahasa Melayu	4, 6

JENIS PERTUKARAN KOD YANG DIGUNAKAN OLEH GURU BAHASA MELAYU DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Menerusi pemerhatian yang telah dilaksanakan, dapatan kajian mendapati ketiga-tiga jenis pertukaran kod yang dinyatakan oleh Poplack (1980) dapat dikenal pasti dalam pengajaran dan pembelajaran. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Ramadan, Fatchul dan Dini (2019) yang turut mendapati bahawa ketiga-tiga jenis pertukaran kod, iaitu (i) pertukaran kod intersentensial, (ii) pertukaran kod intrasentensial dan (iii) pertukaran kod tag digunakan oleh pensyarah di dalam kelas. Jadual 2 memaparkan peratusan jenis pertukaran kod yang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran guru Bahasa Melayu.

JADUAL 2. Jenis Pertukaran Kod dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru Bahasa Melayu

Jenis Pertukaran Kod	Peserta Kajian 1	Peserta Kajian 2	Peserta Kajian 3	Peserta Kajian 4	Julat Peratusan
Pertukaran Kod Intersentensial	87.09%	56.02%	52.03%	44.99%	60.03%
Pertukaran Kod Intrasentensial	12.91%	43.68%	47.97%	32.44%	34.25%
Pertukaran Kod Tag	-	-	-	23.96%	5.99%

Berdasarkan Jadual 2, jenis pertukaran kod yang paling kerap digunakan oleh peserta kajian ialah pertukaran kod intersentensial dengan julat peratusan 60.03%. Jenis pertukaran kod yang paling kurang digunakan oleh peserta kajian pula ialah pertukaran kod tag dengan julat peratusan 5.99%. Peratusan kod intrasentensial pula merupakan pertukaran kod yang kedua banyak digunakan dengan julat peratusan 34.25%. Dapatan kajian ini didapati selari dengan dapatan kajian Novita (2020), Ismi (2021) serta Julian dan Siska (2021) yang menyatakan bahawa

pertukaran kod tag merupakan jenis pertukaran kod yang paling jarang digunakan. Walau bagaimanapun, dari segi jenis pertukaran kod yang paling kerap digunakan, kajian ini berbeza dengan kajian terdahulu. Menurut Novita (2020) dan Ismi (2021) jenis pertukaran kod yang paling banyak digunakan ialah pertukaran kod intrasentensial. Perbezaan dapatan kajian-kajian lepas dengan kajian ini berkemungkinan berlaku kerana pelaksanaan kajian terhadap peserta kajian yang berbeza, demografi yang berbeza serta faktor mata pelajaran yang berbeza.

Dapatkan kajian ini menunjukkan pertukaran kod yang paling kerap digunakan ialah pertukaran kod intersentensial. Dapatkan kajian ini mendapat guru menggunakan bahasa Melayu dan bahasa Inggeris ataupun bahasa Melayu dan bahasa Cina dalam ayat yang berbeza ketika menyampaikan kandungan pelajaran. Dapatkan kajian mendapat guru kerap kali mengulang semula perkara yang dibincangkan ke dalam bahasa Inggeris atau bahasa Cina. Hal ini demikian kerana guru ingin memastikan murid faham perkara yang diajar dan faktor murid tidak menguasai bahasa Melayu juga menyebabkan guru banyak menggunakan jenis pertukaran kod ini. Hal ini turut menyokong kajian Chew dan Mohamad Adham (2022) yang mendapat bahawa kebanyakan murid di SJKC dan SJKT sukar memahami maksud perkataan bahasa Melayu. Penguasaan bahasa Melayu yang berada pada tahap yang lemah serta murid sukar memahami bahasa Melayu telah menyebabkan guru-guru bahasa Melayu menggunakan pertukaran kod di dalam kelas.

Pertukaran kod tag pula merupakan pertukaran kod yang paling jarang digunakan. Hal ini demikian kerana pertukaran kod tag ini hanya melibatkan pertukaran kod satu frasa dalam sebuah ayat. Dapatkan kajian ini mendapat pertukaran kod ini hanya digunakan oleh peserta kajian 4 sahaja. Kebanyakan pertukaran kod tag yang digunakan juga merupakan perkataan yang sama, iaitu “*lai*” yang bermaksud mari dalam bahasa Cina. Oleh itu, pengkaji menyimpulkan bahawa pertukaran kod tag ini terjadi kerana kebiasaan percakapan seseorang guru itu dalam kehidupan sehariannya. Hal ini turut menyokong kajian Salinah dan Rohaidah (2016) yang menyatakan bahawa guru cenderung menggunakan dialek dan bahasa ibunda dalam sesi pengajaran dan pembelajaran. Justeru, pertukaran kod tag ini amat jarang digunakan oleh guru Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran.

FUNGSI PERTUKARAN KOD YANG DIGUNAKAN OLEH GURU BAHASA MELAYU DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Berdasarkan pemerhatian serta temu bual yang telah dilaksanakan, dapatan kajian mendapat bahawa semua fungsi utama pertukaran kod berdasarkan Teori Lakuan Pertuturan oleh Searle (1969) dan 14 subfungsi telah berjaya dikenal pasti dalam pengajaran dan pembelajaran guru Bahasa Melayu. Jadual 3 memaparkan dapatan keseluruhan kesemua fungsi yang dikenal pasti dalam pemerhatian dan temu bual yang telah dilaksanakan.

JADUAL 3. Fungsi Pertukaran Kod dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru Bahasa Melayu

Kod	Fungsi Pertukaran Kod	Peserta Kajian 1	Peserta Kajian 2	Peserta Kajian 3	Peserta Kajian 4
A. Asertif					
A1	Memberikan makna	X	/	/	/
A2	Membincangkan kandungan pelajaran	/	/	/	/
A3	Menterjemahkan perkataan/frasa	/	/	/	/
A5	Memberikan contoh	/	/	/	X
A6	Menjelaskan rumus tatabahasa	X	/	/	X

A7	Mendapatkan respons murid	/	/	/	/
A10	Membantu murid yang lemah	/	/	/	X
B. Direktif					
B1	Memberi arahan	/	/	/	/
B2	Mendisiplinkan murid	/	/	/	/
B3	Menarik perhatian	/	/	/	/
B4	Melarang murid	X	X	/	/
C. Ekspresif					
C2	Memuji murid	/	X	/	X
C7	Membina hubungan dengan murid	X	X	/	/
D. Komisif					
D2	Memberi amaran	/	X	X	/
	Menegur murid	/	/	/	/
	Berkomunikasi dengan murid	/	/	/	/
	Mengurus kelas	/	/	X	/

Berdasarkan Jadual 3, keempat-empat fungsi utama, iaitu (i) fungsi asertif, (ii) fungsi direktif, (iii) fungsi ekspresif dan (iv) fungsi komisif dapat dikenal pasti dalam pengajaran dan pembelajaran guru Bahasa Melayu. Bagi fungsi asertif (A), tujuh subfungsi telah dikenal pasti dalam pengajaran dan pembelajaran guru Bahasa Melayu, iaitu memberikan makna (A1), membincangkan kandungan pelajaran (A2), menterjemahkan perkataan/frasa (A3), memberikan contoh (A5), menjelaskan rumus tatabahasa (A6), mendapatkan respons murid (A7) dan membantu murid yang lemah (A10). Bagi fungsi direktif (B), empat subfungsi telah dikenal pasti, iaitu memberi arahan (B1), mendisiplinkan murid (B2), menarik perhatian (B3) dan melarang murid (B4). Bagi fungsi ekspresif (C) pula, dua subfungsi telah dikenal pasti, iaitu memuji murid (C2) dan membina hubungan dengan murid (C7). Bagi fungsi komisif (D), hanya satu subfungsi sahaja yang telah dikenal pasti, iaitu memberi amaran (D1). Selain daripada fungsi-fungsi yang telah dinyatakan di awal kajian, pengkaji berjaya mengenal pasti tiga subfungsi lain pertukaran kod semasa menjalankan kajian ini, iaitu menegur murid, berkomunikasi dengan murid dan mengurus kelas.

Fungsi pertukaran kod yang paling banyak digunakan oleh guru Bahasa Melayu ialah fungsi asertif. Fungsi asertif ini sebenarnya adalah bertujuan untuk menyampaikan maklumat yang benar (Nur Atikah dan Maslida, 2020). Oleh hal yang demikian, tidak hairanlah fungsi ini paling banyak digunakan oleh guru Bahasa Melayu dalam pengajaran dan pembelajaran. Fungsi pertukaran kod yang kedua banyak digunakan oleh guru Bahasa Melayu pula ialah fungsi direktif. Menurut Nur Atikah dan Maslida (2020), fungsi direktif membuatkan pendengar melakukan sesuatu tindakan. Memandangkan guru juga banyak memberikan arahan dalam pengajaran dan pembelajaran seperti meminta murid membuat tugas, meminta murid duduk dan sebagainya, maka wajarlah fungsi ini juga kerap dikenal pasti. Fungsi ekspresif dan fungsi komisif paling jarang digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran. Hal ini kerana guru-guru jarang menggunakan pertukaran kod apabila guru menzahirkan emosi mereka seperti memuji murid atau apabila guru menjanjikan sesuatu kepada murid. Berdasarkan empat fungsi utama tersebut, 14 subfungsi turut dikenal pasti dalam pengajaran dan pembelajaran guru Bahasa Melayu. Pengkaji juga berjaya mengenal pasti tiga subfungsi baharu yang tidak tersenarai dalam senarai semak yang disediakan, iaitu menegur murid, berkomunikasi dengan murid dan mengurus kelas.

Bagi fungsi asertif (A), daptan kajian mendapat pertukaran kod berfungsi untuk memberikan makna (A1) apabila guru-guru menerangkan makna perkataan yang sukar difahami

oleh murid-murid. Pertukaran kod bagi fungsi ini didapati hanya digunakan oleh guru Bahasa Melayu tahap dua. Hal ini demikian mungkin berlaku kerana kosa kata yang dipelajari semasa tahap dua agak sukar difahami. Contoh fungsi memberikan makna yang dinyatakan oleh peserta kajian 4, “Okey, ingin mencari maklumat. *Zhe ge shi xunzhao zi liao*. Dengan melayari Internet. *You lan wang zhan.*”

Kajian juga mendapati bahawa antara fungsi pertukaran kod dalam pengajaran dan pembelajaran guru Bahasa Melayu ialah membincangkan kandungan pelajaran (A2). Membincangkan kandungan pelajaran merangkumi guru menerangkan kandungan pelajaran kepada murid, menjelaskan situasi yang dimaksudkan dan menyebut semula idea yang dinyatakan oleh murid. Contoh fungsi membincangkan kandungan pelajaran yang dinyatakan oleh peserta kajian 2, “Kamu perlu cari salah yang ada di dalam teks ni. *You have to find mistakes in the text.*” Peserta kajian 2 menggunakan bahasa Inggeris semasa membincangkan arahan soalan dalam buku teks. Hal ini turut menyokong kajian Atika, Duli dan Evelyn (2021) yang menyatakan bahawa guru Bahasa Melayu menggunakan bahasa Inggeris semasa memberikan penerangan kepada murid.

Selain daripada itu, pertukaran kod juga berfungsi untuk menterjemahkan perkataan/frasa (A3). Kebiasaannya, guru Melayu akan menterjemahkan perkataan ke dalam bahasa Inggeris manakala guru Cina akan menterjemahkan perkataan ke dalam bahasa Cina. Namun demikian, ada kalanya guru Cina juga menterjemahkan perkataan ke dalam bahasa Inggeris kerana ada juga murid Cina yang tidak menguasai bahasa Cina. Sebagai contoh, peserta kajian 1 menterjemahkan perkataan berlakon ke dalam bahasa Cina kerana murid tidak faham akan maksud berlakon, iaitu *yan xi*. Hal ini turut menyokong kajian Atika, Duli dan Evelyn (2021) yang menyatakan bahawa guru turut menggunakan pertukaran kod semasa menterjemahkan maksud perkataan kepada murid.

Fungsi lain pertukaran kod ialah memberikan contoh (A5). Dapatkan kajian mendapati guru-guru menggunakan pertukaran kod semasa memberikan contoh situasi semasa menerangkan kandungan pelajaran. Bukan itu sahaja, pertukaran kod juga digunakan untuk menjelaskan rumus tatabahasa (A6). Fungsi ini hanya dikenal pasti sekiranya guru ada mengajar tatabahasa pada hari tersebut. Guru akan menggunakan pertukaran kod untuk menjelaskan rumus tatabahasa seperti kata majmuk. Sebagai contoh, peserta kajian 2 mengatakan “Okey, kata majmuk ialah gabungan satu perkataan dengan perkataan yang lain untuk menghasilkan perkataan yang lain. *Meaning. We use this word and this word to make a new word.*” Hal ini turut menyokong kajian Tawos et al. (2019) yang menyatakan bahawa guru-guru sekolah rendah menggunakan pertukaran kod untuk mengajar tatabahasa.

Pertukaran kod juga digunakan oleh guru Bahasa Melayu untuk mendapatkan respons murid (A7). Dapatkan kajian mendapati guru sering menggunakan pertukaran kod apabila menanyakan soalan kepada murid supaya murid memberikan respons kepada mereka. Hal ini adalah kerana guru menyatakan bahawa murid tidak memberikan respons apabila ditanya dalam bahasa Melayu semata-mata. Namun, apabila guru menggunakan pertukaran kod semasa mengajukan soalan yang sama, murid segera memberikan respons. Dapatkan kajian ini bersamaan dengan dapatan kajian Duli dan Wan Muna (2022) yang mendapati guru-guru Bahasa Melayu menggunakan perkataan bahasa Inggeris dalam pengajaran Bahasa Melayu secara atas talian semasa mengemukakan soalan.

Antara fungsi lain pertukaran kod bagi fungsi asertif (A) ialah membantu murid yang lemah (A10). Dapatkan mendapati bahawa guru Bahasa Melayu tahap satu menggunakan pertukaran kod semasa membantu murid pemulihan di dalam kelas mereka manakala guru bahasa Melayu tahap dua pula menggunakan pertukaran kod untuk mengajar murid yang lemah. Contohnya, peserta

kajian 1 mengatakan “Okey, ini buku kan? *Zhi ghe, hwa yi jiang shen me? Hwa yi jiang? Du shu malai wen jiang shen me?*” semasa mengajar murid yang lemah.

Dapatkan ini selari dengan dapatan kajian Nuradlin dan Zaleha (2020) yang mendapati bahawa guru didapati menggunakan dialek apabila memberikan penjelasan kepada murid yang lemah.

Bagi fungsi direktif (B), empat subfungsi telah dikenal pasti. Dapatkan kajian mendapati pertukaran kod berfungsi memberi arahan (B1). Menurut guru-guru, pertukaran kod digunakan untuk memberi arahan kerana murid lebih cepat mendengar arahan dan lebih menjimatkan masa. Guru tidak perlu mengulang arahan berulang-ulang kali. Sebagai contoh, peserta kajian 4 mengatakan, “*Letak sini. Lai. Ba shu jiao gei zu zhang*”. Dapatkan ini selari dengan kajian Duli dan Wan Muna (2022) yang mendapati guru mencampuradukkan bahasa Iban dan Bahasa Melayu semasa memberi arahan kepada murid seperti jangan (*anang*) dan bukan (*ukai*). Pertukaran kod juga berfungsi untuk mendisiplinkan murid (B2). Pertukaran kod untuk mendisiplinkan murid telah dikenal pasti dalam pengajaran dan pembelajaran guru-guru bahasa Melayu tahap dua. Hal ini berkemungkinan kerana murid tahap dua lebih sukar dikawal kerana mereka sudah besar. Sebagai contoh peserta kajian 3 mengatakan, “*Semua murid diam. Keep quiet. Right now.*” Hal ini turut menyokong kajian Rinawati et al. (2021) yang telah menyatakan bahawa pertukaran kod juga digunakan untuk mengawal kelas.

Bukan itu sahaja, pertukaran kod juga bertujuan untuk menarik perhatian murid (B3). Pertukaran kod bagi fungsi ini dikemukakan oleh guru Bahasa Melayu tahap satu. Guru menyatakan bahawa murid tahap satu masih dalam proses mengenali bahasa Melayu. Sebilangan besar murid di SJKC merupakan murid Cina yang menggunakan bahasa ibunda mereka dalam kehidupan seharian. Oleh itu, guru perlu menarik perhatian mereka untuk mempelajari bahasa Melayu. Dapatkan kajian ini selari dengan dapatan kajian Ismi (2021) yang menyatakan bahawa guru juga menggunakan pertukaran kod untuk memberikan emosi kepada ujaran dan menarik perhatian murid untuk belajar. Pertukaran kod sebagai fungsi melarang murid (B4) hanya dikenal pasti beberapa sekali sahaja, iaitu apabila guru melarang murid melakukan sesuatu perkara seperti jangan membuang sampah di atas lantai. Pertukaran kod bagi fungsi ini jarang-jarang digunakan.

Bagi fungsi ekspresif (C) pula, dua subfungsi telah dikenal pasti. Pertukaran kod juga digunakan untuk memuji murid (C2). Walau bagaimanapun, pertukaran kod bagi fungsi ini jarang digunakan. Dapatkan kajian mendapati guru memuji murid menggunakan pertukaran kod semasa guru memuji hasil kerja murid seperti memuji tulisan murid yang cantik. Guru juga menggunakan pertukaran kod untuk memuji murid selepas murid berjaya menjawab soalan seperti mengatakan “*Good*”. Hal ini turut menyokong kajian Rinawati et al. (2019) yang menyatakan bahawa guru menggunakan pertukaran kod untuk memuji murid. Pertukaran kod bagi fungsi membina hubungan dengan murid (C7) pula dilihat menerusi pengajaran dan pembelajaran guru Bahasa Melayu tahap dua. Kajian mendapati guru Bahasa Melayu tahap dua prihatin terhadap persekitaran murid mereka. Guru dilihat menggunakan pertukaran kod untuk menanyakan tentang keadaan murid yang berubah seperti murid kelihatan marah dan sedih. Perkara ini dapat mewujudkan hubungan yang baik antara guru dengan murid dan mengeratkan lagi hubungan antara guru dengan murid. Hal ini turut menyokong kajian Rinawati et al. (2021) yang menyatakan bahawa pertukaran kod digunakan untuk merapatkan hubungan dengan murid.

Bagi fungsi komisif (D), hanya satu subfungsi sahaja yang telah dikenal pasti dalam pengajaran dan pembelajaran guru Bahasa Melayu, iaitu memberi amaran (D1). Dapatkan kajian mendapati guru Cina menggunakan bahasa Cina dan bahasa Inggeris semasa memberi amaran kepada murid-murid. Berdasarkan dapatan kajian, guru Cina dilihat memberi amaran untuk menghantar gambar murid yang melakukan kesalahan kepada guru kelas atau ibu bapa. Walau

bagaimanapun, hal ini hanya dilihat dalam pengajaran dan pembelajaran guru Cina sahaja. Perbezaan ini mungkin berlaku kerana guru Cina sudah terbiasa untuk melaporkan kesalahan murid terus kepada guru kelas atau ibu bapa.

Selain daripada fungsi-fungsi yang telah dinyatakan di awal kajian, pengkaji berjaya mengenal pasti tiga subfungsi lain pertukaran kod semasa menjalankan kajian ini, iaitu menegur murid, berkomunikasi dengan murid dan mengurus kelas. Pertukaran kod juga digunakan oleh guru Bahasa Melayu untuk menegur murid apabila melakukan kesalahan dan membetulkan kesilapan murid. Hal ini kerana ada murid yang tidak faham akan bahasa Melayu. Oleh itu, guru menggunakan pertukaran kod untuk menegur kesalahan murid dan membetulkan kesalahan murid supaya murid faham dan murid-murid lain juga tidak mengulangi kesilapan yang sama. Kebiasaannya, guru Cina akan menggunakan pertukaran kod ke dalam bahasa Cina dan guru Melayu akan menggunakan pertukaran kod ke dalam bahasa Inggeris. Hal ini turut menyokong kajian Maratus dan Rusdi (2020) yang menyatakan bahawa pertukaran kod turut digunakan apabila guru ingin menegur murid yang malas dan murid yang lemah.

Selain daripada itu, pertukaran kod juga digunakan untuk berkomunikasi dengan murid. Pertukaran kod bagi fungsi ini digunakan ketika guru berkomunikasi dengan murid tentang perkara yang tidak melibatkan kandungan pelajaran. Fungsi terakhir pertukaran kod yang dikenal pasti ialah mengurus kelas. Mengurus kelas yang dimaksudkan merangkumi mengambil kehadiran, memastikan kelas terkawal dan menguruskan murid. Guru-guru yang mempunyai kelas pada waktu pertama dilihat menggunakan pertukaran kod untuk mengambil kehadiran murid. Guru juga menggunakan pertukaran kod untuk mengurus kelas kerana urusan akan menjadi lebih cepat dan dapat menjimatkan masa. Oleh itu, guru dapat memulakan penyampaian kandungan pelajaran dengan lebih awal. Hal ini turut menyokong kajian Tawos et. al (2019) yang menyatakan bahawa pertukaran kod oleh guru-guru sekolah rendah untuk mengurus kelas.

Secara keseluruhannya, banyak fungsi pertukaran kod dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu sama ada dalam menyampaikan maklumat, memberikan arahan ataupun dari segi guru menguruskan kelas. Oleh itu, pertukaran kod ini sememangnya banyak membantu guru dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di SJKC. Justeru, pertukaran kod wajarlah digunakan sebagai strategi untuk mengajar bahasa Melayu di SJKC. Perkara ini turut menyokong kajian Atika, Duli dan Evelyn (2021) yang menyatakan bahawa pertukaran kod yang berlaku dalam kelas merupakan satu strategi guru Bahasa Melayu untuk meningkatkan kefahaman murid. Sidra, Syeda Hira dan Rehman (2019) dalam kajiannya juga menyatakan bahawa pertukaran kod merupakan antara strategi yang efektif dalam mempelajari bahasa kedua.

KESAN PERTUKARAN KOD YANG DIGUNAKAN OLEH GURU BAHASA MELAYU DALAM PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Berdasarkan temu bual yang dilaksanakan, kajian ini telah berjaya mengenal pasti enam kesan pertukaran kod dalam pengajaran dan pembelajaran guru Bahasa Melayu. Lima daripada enam kesan yang diterokai merupakan kesan positif manakala satu kesan negatif juga berjaya dikenal pasti. Kajian ini telah membuktikan bahawa pertukaran kod lebih banyak memberikan kesan positif dalam membantu murid mempelajari dan menguasai bahasa Melayu berbanding kesan negatif. Kesan pertukaran kod telah diklasifikasikan kepada enam tema seperti yang tertera dalam Jadual 4.

JADUAL 4. Kesan Pertukaran Kod dalam Pengajaran dan Pembelajaran Guru Bahasa Melayu

Bil.	Kesan Pertukaran Kod	Peserta Kajian 1	Peserta Kajian 2	Peserta Kajian 3	Peserta Kajian 4
1.	Meningkatkan kefahaman murid	/	/	/	/
2.	Meningkatkan minat murid untuk belajar	/	/	/	/
3.	Meningkatkan penguasaan bahasa Melayu murid	/	/	/	/
4.	Meningkatkan respons murid	/	/	/	/
5.	Merapatkan hubungan dengan murid	X	X	X	/
6.	Meningkatkan tahap kebergantungan murid	/	X	X	X

Berdasarkan Jadual 4, enam kesan pertukaran kod dalam pengajaran dan pembelajaran telah dikenal pasti, iaitu (i) meningkatkan kefahaman murid, (ii) meningkatkan minat murid untuk belajar, (iii) meningkatkan penguasaan bahasa Melayu murid, (iv) meningkatkan respons murid, (v) merapatkan hubungan dengan murid dan (vi) meningkatkan tahap kebergantungan murid.

TEMA 1: MENINGKATKAN KEFAHAMAN MURID

Semasa ditemu bual, peserta kajian kerap kali menyatakan bahawa pertukaran kod membantu murid mereka untuk lebih memahami perkara yang diajar. Perkara ini dinyatakan oleh peserta kajian 3:

Okey. Pada pendapat saya, pertukaran kod ni dalam PdP bahasa Melayu ni mempengaruhi kefahaman murid terhadap...contohnya topik-topik dan topik pengajaranlah yang kandungan yang diajar oleh guru dan juga mereka dapat mengaplikasi apa yang telah saya ajar.

(Peserta Kajian 3)

Menurut peserta kajian 3, pertukaran kod ini dapat meningkatkan tahap kefahaman murid tentang perkara yang disampaikan oleh guru. Hal ini turut disokong oleh peserta kajian 1, 2 dan 4. Dapatkan kajian mendapati guru-guru bahasa Melayu menyatakan bahawa murid mereka lebih memahami perkara yang diajar apabila mereka menggunakan pertukaran kod. Guru bahasa Melayu menyatakan bahawa murid hanya memahami sebahagian daripada ayat atau petikan apabila bahasa Melayu sahaja untuk mengajar. Dapatkan kajian ini juga bersamaan dengan dapatan kajian Liswani, Coshi dan Talita (2015) yang turut mengemukakan bahawa murid memahami kandungan pelajaran apabila guru menggunakan pertukaran kod dalam pengajaran dan pembelajaran.

TEMA 2: MENINGKATKAN MINAT MURID UNTUK BELAJAR

Dapatkan kajian turut mendapati bahawa antara kesan pertukaran kod dalam pengajaran dan pembelajaran guru bahasa Melayu adalah dapat meningkatkan minat murid untuk belajar. Hal ini dinyatakan oleh peserta kajian 2.

...Tapi apabila saya menggunakan bahasa Inggeris mereka lebih *interested*. Mereka lebih aktif dalam kelas tu macam tu. Mereka lebih berminat untuk menanyakan soalan...lebih berminat untuk belajarlah ketika tu...ketika saya menggunakan bahasa Inggeris."

(Peserta Kajian 2)

Menurut peserta kajian 2, murid-murid beliau lebih menunjukkan minat untuk mempelajari bahasa Melayu apabila guru menggunakan pertukaran kod dalam bahasa Inggeris. Peserta kajian 2 turut menyatakan bahawa murid-murid mudah berasa bosan dan mudah hilang tumpuan di dalam kelas apabila guru menggunakan bahasa Melayu semata-mata kerana murid tidak faham perkara yang disampaikan. Peserta kajian 1 juga menyatakan hal yang sama. Menurut peserta kajian 1 pula, beliau pernah menggunakan bahasa Melayu sepenuhnya untuk mengajar. Namun demikian, beliau melihat murid-murid ketinggalan dalam pelajaran dan menjadi kurang berminat untuk belajar bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, apabila beliau menggunakan pertukaran kod, iaitu bahasa Cina atau bahasa Inggeris ketika mengajar bahasa Melayu, murid-murid lebih menunjukkan minat untuk mempelajari bahasa Melayu.

Hal ini demikian berlaku kerana peserta kajian 1 dan 2 mengajar tahap satu. Kebanyakan murid tahap 1 masih tidak menguasai bahasa Melayu dan sesetengah daripada mereka memang baru didedahkan kepada bahasa Melayu apabila berada di sekolah rendah. Oleh itu, mereka tidak faham apa yang sedang dituturkan oleh guru. Namun, apabila guru menggunakan pertukaran kod barulah mereka mula faham apa yang diajar dan berminat untuk mempelajari bahasa Melayu. Menurut peserta kajian 1 dan 2 lagi, pertukaran kod dalam mengajar tahap satu amat penting untuk menimbulkan minat mereka untuk belajar bahasa Melayu.

TEMA 3: MENINGKATKAN PENGUASAAN BAHASA MELAYU MURID

Menerusi temu bual bersama peserta kajian, semua peserta kajian mengemukakan bahawa penggunaan pertukaran kod dalam pengajaran dan pembelajaran mampu meningkatkan tahap penguasaan bahasa Melayu murid dari segi kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca, kemahiran menulis mahupun aspek tatabahasa. Peserta kajian 4 menyatakan bahawa:

I rasa ada. Dari segi pemahaman, mereka banyak membantu. Dari pemahaman, mereka bolehlah menguasai kemahiran yang lain. Seperti pertuturan, mengarang, menulis, membaca. Mereka sudah faham itu maksud. Maksud itu, mereka akan menguasai kemahiran yang lain.

(Peserta Kajian 4)

Peserta kajian 4 menyatakan bahawa kemahiran berbahasa murid secara keseluruhannya bertambah baik. Peserta kajian 2 dan 3 pula menyatakan bahawa kemahiran bertutur murid juga bertambah baik. Menerusi dapatan kajian, guru-guru mengemukakan bahawa tahap penguasaan kemahiran berbahasa murid yang merangkumi kemahiran mendengar dan bertutur, kemahiran membaca dan kemahiran menulis murid juga menunjukkan peningkatan. Bukan itu sahaja, tahap penguasaan tatabahasa, penguasaan kosa kata malah prestasi murid juga meningkat. Dapatan kajian ini bersamaan dengan dapatan kajian Muhammad Saleem (2016), iaitu kelas yang menggunakan kaedah penterjemahan bahasa pertama dalam memberi makna terhadap pembelajaran kosa kata bahasa kedua memperoleh tahap pencapaian yang lebih baik berbanding kelas yang menggunakan bahasa kedua semata-mata.

TEMA 4: MENINGKATKAN RESPON MURID

Respons murid juga meningkat apabila pertukaran kod digunakan dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Perkara ini dinyatakan oleh peserta kajian 1.

Oh, ada satu situasi yang saya ingin menjelaskan perkataan itu. Menerusi lakonan. Jadi, murid-murid tidak faham berlakon perkataan ini. Jadi, mereka tidak melibatkan diri. Mereka ingat cikgu lagi menerangkan...mengajar. Lepas saya guna perkataan Cina untuk menerangkan lakonan, barulah murid faham.

(Peserta Kajian 1)

Peserta kajian 1 berkongsi satu situasi yang telah dialami oleh beliau semasa ditemu bual. Semasa beliau meminta murid untuk berlakon dalam bahasa Melayu, murid-murid tidak memberikan respons dan tidak melibatkan diri kerana mereka tidak memahami perkara yang dikatakan oleh guru. Murid-murid bersangka bahawa guru sedang memberikan penerangan. Namun, apabila guru menggunakan pertukaran kod dalam bahasa Cina, barulah murid faham bahawa guru ingin murid berlakon bersama guru dan mula melibatkan diri untuk berlakon. Situasi ini jelas menunjukkan bahawa pertukaran kod berjaya meningkatkan respons murid di dalam kelas. Peserta kajian 3 turut menyokong kenyataan ini.

Berdasarkan dapatan kajian, guru menyatakan bahawa murid tidak melibatkan diri semasa guru meminta murid untuk berlakon bersama guru kerana murid tidak faham perkara yang dikatakan oleh guru. Namun, apabila guru menggunakan pertukaran kod, barulah murid-murid mahu melibatkan diri kerana mereka baru faham akan arahan yang diberikan oleh guru. Dapatan kajian ini selari dengan kajian Liswani, Coshi dan Talita (2015) yang menyatakan bahawa murid melibatkan diri dalam pelajaran apabila guru menggunakan pertukaran kod dalam pengajaran dan pembelajaran.

TEMA 5: MERAPATKAN HUBUNGAN DENGAN MURID

Selain daripada kesan-kesan yang dinyatakan di atas, pertukaran kod juga dilihat mampu merapatkan hubungan antara guru dengan murid. Menurut peserta kajian 4, beliau menggunakan pertukaran kod supaya hubungan beliau dengan murid lebih rapat.

Kalau saya macam lebih rapat dengan budak bila saya berbahasa Cina, mereka macam...cikgu ni boleh cakap bahasa Cina, boleh tolong mereka dalam pemahaman.

(Peserta Kajian 4)

Hal ini kerana peserta kajian 4 ialah guru Cina. Oleh hal yang demikian, apabila peserta kajian 4 menggunakan pertukaran kod, iaitu bahasa Cina ketika mengajar bahasa Melayu, murid tidak takut untuk bertanya kepada beliau kerana mereka tahu guru mereka boleh berbahasa Cina dan boleh membantu mereka memahami perkara yang diajar. Oleh itu, hubungan dengan murid menjadi lebih rapat.

TEMA 6: MENINGKATKAN TAHAP KEBERGANTUNGAN MURID

Analisis temu bual yang dijalankan menunjukkan banyak kesan positif pertukaran kod dalam pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu. Walau bagaimanapun, analisis temu bual mendapati terdapat juga kesan negatif pertukaran kod dalam pengajaran dan pembelajaran guru bahasa Melayu. Perkara ini dinyatakan oleh peserta kajian 1 menerusi temu bual yang dijalankan.

Saya rasa kalau tahap satu, kita boleh gunakan dan kita lihat kepada pencapaian murid. Kalau murid sudah dapat menguasai, kita boleh kurangkan. Kalau tahap dua, saya rasa kita boleh mengurangkan penggunaan pertukaran kod ini supaya murid tidak terlalu bergantung.

(Peserta Kajian 1)

Menurut peserta kajian 1, pertukaran kod ini wajar dikurang sekiranya murid sudah menguasai bahasa Melayu. Peserta kajian 1 juga menyatakan pertukaran kod dalam mengajar murid tahap dua juga perlu dikurangkan. Hal ini demikian kerana jika guru menggunakan pertukaran kod secara berterusan, murid-murid akan terlalu bergantung kepada pertukaran kod. Hal ini turut menyokong kajian Reni, Lalu dan Atri (2018) yang berpendapat bahawa pertukaran kod yang terlalu banyak akan merosakkan bahasa yang dipelajari kerana akan mengganggu pemahaman murid dan kefasihan murid dalam bahasa tersebut. Perkara ini juga akan menyukarkan murid untuk menguasai bahasa Melayu dengan baik. Hal ini turut menyokong kajian Nor Azwahanum et al. (2022) yang menyatakan bahawa murid yang terlalu bergantung kepada guru akan menghadapi kesukaran untuk mahir dalam bahasa yang dipelajari.

KESIMPULAN

Secara keseluruhannya, dapatan kajian menunjukkan bahawa pertukaran kod sememangnya digunakan oleh guru Bahasa Melayu dalam mengajar bahasa Melayu di SJKC. Bukan itu sahaja, pertukaran kod juga mempunyai banyak fungsi dalam pengajaran dan pembelajaran guru Bahasa Melayu. Pertukaran kod ini juga dilihat sangat memudahkan guru-guru Bahasa Melayu dalam pelbagai aspek seperti menyampaikan kandungan pelajaran, memberikan arahan dan mengurus kelas. Dari segi kesan pertukaran kod pula, pertukaran kod lebih banyak mendatangkan kesan positif terhadap murid berbanding kesan negatif. Pertukaran kod dilihat banyak membantu murid dalam mempelajari bahasa Melayu dan dapat meningkatkan tahap penguasaan bahasa Melayu murid serta dapat meningkatkan penglibatan murid dalam pengajaran dan pembelajaran.

Justeru, pertukaran kod wajarlah digunakan oleh guru-guru Bahasa Melayu sebagai satu strategi untuk mengajar bahasa Melayu di SJKC bagi membantu murid-murid mempelajari bahasa Melayu dan meningkatkan tahap penguasaan bahasa Melayu mereka. Hal ini selari dengan dapatan kajian oleh Atika, Duli dan Evelyn (2021) yang menyatakan bahawa pertukaran kod yang berlaku dalam kelas merupakan satu strategi guru Bahasa Melayu untuk meningkatkan kefahaman murid. Sidra, Syeda Hiraa dan Rehman (2019) dalam kajiannya juga menyatakan bahawa pertukaran kod merupakan antara strategi yang efektif dalam mempelajari bahasa kedua. Walau bagaimanapun, pertukaran kod tersebut perlulah digunakan mengikut keperluan dan tidak disalahgunakan sehingga mengganggu pengajaran dan pembelajaran dan menjelaskan penguasaan bahasa Melayu murid.

Sehubungan itu, diharapkan pihak yang berkepentingan seperti Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) dapat mengetengahkan pertukaran kod sebagai satu strategi mengajar bahasa Melayu di SJKC. Pihak KPM boleh mulakan langkah ini dengan mewujudkan penterjemahan kosa kata bagi membantu murid-murid di SJKC mempelajari bahasa Melayu ataupun menyediakan bahan bantu mengajar yang melibatkan pertukaran kod. Walau bagaimanapun, penggunaan pertukaran kod oleh guru Bahasa Melayu haruslah dipantau agar tidak disalahgunakan sehingga menjelaskan pengajaran dan pembelajaran bahasa Melayu di SJKC. Hal ini demikian kerana sokongan daripada pihak atasan adalah sangat penting dalam membantu guru meningkatkan tahap penguasaan bahasa Melayu dalam kalangan murid di SJKC.

PENGHARGAAN

Penulis ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang terlibat dalam pelaksanaan kajian ini.

RUJUKAN

- Abd Ganing Laengkangi, Rohaidah Haronii & Ab. Razak Ab. Karimi. (2018). Kajian Lakuan Bahasa di Malaysia: Satu Tinjauan Literatur. *e-Prosiding Seminar Falsafah dan Tamadun 2018 (SEFATA 2018)*, hlm, 360-366.
- Aman Shah Syed Ali, Zamri Mahamod & Mohammed Azlan Mis. (2021). Masalah Murid Etnik Bajau dalam Pembelajaran Bahasa Melayu Sebagai Bahasa Kedua. *Borneo International Journal*, 4(3), 26-36.
- Atika Hassan, Duli Kamit & Evelyn Bangkang Jawi. (2021). Faktor-Faktor Yang Mempengaruhi Pertukaran Kod Dalam Pengajaran Guru Bahasa Melayu Sekolah Rendah. *Jurnal Pendidikan Bahasa Melayu*, 11(1), 40-56.
- Chew Fong Peng & Mohamad Adham Kamarulzaman. (2022). Kefahaman dan Kesediaan Guru dalam Pengajaran Kemahiran Bertutur Bahasa Melayu di Sekolah Jenis Kebangsaan. *e-Bangi*, 19(2), 116-141.
- Duli Kamit & Wan Muna Ruzanna Wan Mohammad. (2022). Percampuran Kod Guru Bahasa Melayu Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Secara Dalam Talian. *Jurnal Dunia Pendidikan*, 4, 475 – 486.
- Ismi Darlina. (2021). Code Switching Used By English Teacher In Teaching English At The Second Grade Of SMAN 1 Aek Natas. Tesis Sarjana Pendidikan, Fakulti Bahasa dan Seni, Univeristi Medan.
- Julian Chandra & Siska Oktawidya Wati. (2021). Type And Strategy Of Code Switching Used By English Teachers In The Process Of Teaching And Learning English. *Jurnal Ilmiah Langue and Parole*, 4(2), 34-40.
- Liswani Simasiku, Choshi Kasanda & Talita Smit. (2015). Can Code Switching Enhance Learners' Academic Achievement? *English Language Teaching*, 8(2), 70–77.
- M. Puvenesvary, Radziah Abdul rahim, R. Sivaba;a Naidu, Mastura Badzis, Noor Fadhilah Mat Nayan & Noor Hashima Abd Aziz. (2008). *Qualitative Research: Data Collection & Data Analysis Techniques*. Sintok: Universiti Utara Malayisa Press.
- Maratus Shalihah & Rusdi Noor Rosa. (2020). Analysis Of Teachers' Code Switching In Teaching English At Mtsn 7 Agam. *Proceedings of the Ninth International Conference on Language and Arts (ICLA 2020)*, hlm. 141-144.
- Mazlina Ahmad, Cho Min Sung, Hafizah Abdul Hamid & Roswati Abdul Rashid. (2023). Penukaran Kod Dalam Adaptasi Komunikasi Pelajar Jurusan Bahasa Melayu – Bahasa Indonesia Di Hankuk University Of Foreign Studies (HUFS), Korea. *Jurnal Linguistik*, 27(1), 97-110.
- Muhammad Saleem Khan. (2016). The Impact Of Native Language Use On Second Language Vocabulary Learning By Saudi EFL Students. *English Language Teaching*, 9(5), 133–140.
- Nguyen, L., Yuan, Z & Seed, G. (2022). Building Educational Technologies for Code-Switching: Current Practices, Difficulties and Future Directions. *Languages* 7: 220. <https://doi.org/10.3390/languages7030220> . <https://doi.org/10.3390/languages7030220>

- Nor Azwahanum Nor Shaid, Shahidi A. Hamid, Marlyna Maros & Nurainil Sulaiman. (2022). Penerokaan terhadap Penguasaan Bahasa Kedua Murid Orang Asli Temiar: Suatu Etnografi Kajian Kes. *Akademika 92(Isu Khas)*, 2022, 15-29.
- Noor Hayati binti Romli, Mohd Sallehudin bin Abd Aziz & Pramela Krish N. Krish. (2022). First Language Use Among Second Language Teachers: Views Vs Practice. *Jurnal Ilmiah Pendidikan*, 41(3), 688-702.
- Nora'azian Nahar. (2020). Hubungan Profesiensi Bahasa Melayu dengan Pencapaian Akademik Murid Bukan Penutur Natif di Sekolah Jenis Kebangsaan. *Jurnal Bahasa*, 2(20), 288-316.
- Novita Kusumaning Tyas. (2020). Code Switching In Discussion Activities In English Class. *Voices of English Language Society (VOLES)*, 4(1), 11-19.
- Nurul Syuhada Shuib & Maslida Yusof. (2019). Lakuan bahasa dalam ceramah agama. *Akademika 89(Isu Khas)*, 2019, 41-53.
- Nuradlin Syafini Nawi & Zaleha Embong. (2020). Pengaruh Dialek Dalam Komunikasi Terhadap Tahap Keyakinan Diri Pelajar Sekolah Menengah Kebangsaan Di Kota Bharu, Kelantan. *INSANIAH: Online Journal of Language, Communication, and Humanities*, 3(1), 26 – 40
- Nur Atikah Ibrahim & Maslida Yusof. (2020). Sindiran Dalam Media Sosial: Perspektif Lakuan Bahasa. *Jurnal Komunikasi*, 36(2), 269-288.
- Paramasivam Muthusamy. (2017). Komunikasi Percampuran Kod dalam Masyarakat Multilingual di Malaysia. *Journal of Business and Social Development*, 5(1), 36-48.
- Ramadan, Fatchul Mu'in & Dini Noor Arini. (2019). Types, Functions And Factors Of Code Switching As Teaching Technique Conducted. *Lingua Educatia Journal*, 1(1), 12-27.
- Reni Yulandari, Lalu Muhammi, Atri Dewi Azis. (2018). Code Switching in Classroom Discourse: A Sociolinguistic Study. *Jurnal Ilmiah Profesi Pendidikan*, 8(2), 197-204.
- Rinawati, N.K.A & Putra, I.N.A.J. (2021). Code-Switching In Online Synchronous Learning. *Jurnal Pendidikan Bahasa Inggris Undiksha*, 9(1), 148 – 155.
- Salinah Jaafar & Rohaidah Haron. 2016. Kesilapan bahasa Melayu dalam kalangan pelajar - pelajar Universiti Kebangsaan Yunnan di Akademi Pengajian Melayu. *Jurnal Melayu* 15(2): 196 – 209.
- Sami Irsheid Suliman Almagableh & Kamariah Yunus. (2022). The Functions Of Code-Switching Used During The Student-Teacher Interactions In The Classrooms: Observations And Impacts. *International Journal Of Education, Psychology And Counselling (IJEPC)*, 7(8), 501-511.
- Savitry Chelliah & Norasmah Hj Othman. (2022). Tahap Penguasaan Bahasa Melayu dengan Pencapaian Prestasi Mata Pelajaran Perniagaan Murid Bukan Melayu. *Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)*, 7(5), 2-16.
- Sidra Shafi, Syeda Hiraa Kazmi & Rehman Asif. (2019). Benefits Of Code-Switching In Language Learning Classroom At University Of Education Lahore. *International Research Journal of Management, IT & Social Sciences*, 7(1), 227-234.
- Simons, H. (2009). *Case Study Research In Practice*. London. SAGE Publications.
- Tawos Mohammadi, M. Yaqoob Seraj, Hairunnisa Ibrahim & Nurul Farhanah Abdul Hadi. (2019). The Purposes Of Code-Switching And Teachers' Perceptions Toward Code-Switching In Malaysian Primary Schools. *International Journal of Engineering and Advanced Technology (IJEAT)*, 9(1), 1532-1536.
- Yin R. (2009). *Case study research: Design and methods (4th ed.)*. SAGE Publications.

Nur Sabrina Aiman Mohd Rosszi
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Emel: p130374@siswa.ukm.edu.my

Nor Azwahanum Nor Shaid (Pengarang koresponden)
Fakulti Pendidikan
Universiti Kebangsaan Malaysia, Malaysia
Emel: azwahanum@ukm.edu.my